



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

KWP LANCAR APLIKASI BAHARU CERIA 1WP UNTUK PEMEGANG KAD CERIA

PUTRAJAYA, 1 April 2018 – YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan hari ini melancarkan penggunaan aplikasi Ceria 1WP di dalam Majlis Penutup Karnival Kad Ceria yang diadakan di Dataran Putrajaya, Presint 3. Kini orang ramai boleh mendapatkan maklumat mengenai rakan dagang, pemberian tawaran diskaun serta maklumat terkini hanya diujung jari. Aplikasi ini direka berasaskan laman web Kad Ceria sedia ada bagi memudahkan pemegang Kad Ceria untuk mengakses maklumat melalui telefon pintar masing-masing.

Karnival Kad Ceria ini dianjurkan bersempena sambutan ulang tahun pertama semenjak kad ceria ini dilancarkan pada tahun lalu. Sebanyak 10,086 rakan dagang yang bekerjasama dengan KWP bagi menawarkan pelbagai diskaun menarik produk masing-masing kepada pemegang kad ceria ini. Oleh itu melalui penganjuran karnival kad ceria ini dapat menghimpunkan rakan-rakan dagang serta para pemegang kad ceria untuk menjual barangan keperluan Harian dengan tawaran harga yang menarik dan murah. Selain itu, warga wilayah persekutuan yang masih belum mendapatkan kad ceria mereka boleh mendaftar di lokasi karnival.

Program ini merupakan inisiatif Kementerian Wilayah Persekutuan dalam usaha menangani kos sara hidup bagi warga Wilayah Persekutuan serta dapat membantu warga Wilayah Persekutuan dalam merancang dan mengurus perbelanjaan harian secara berhemah. Sebanyak 110 gerai dari rakan dagang kad ceria seperti Pasaraya

Mydin, Pancuran Holidays, Astro, KK Mart, Gintell, 100 Visions, Kenny Rogers Roasters dan lain-lain lagi dibuka dengan jualan produk masing-masing dengan memberikan diskaun sehingga 80 peratus.

Karnival ini yang berlangsung selama tiga hari bermula 30 Mac 2018 yang lalu dikunjungi oleh lebih 10,000 pengunjung. Pelbagai aktiviti menarik yang diadakan seperti Forum Perdana, Larian Ceria, Kayuhan Ceria, Cabaran *Mixed Martial Arts*, Pertandingan Mewarna dan Kaligrafi, Bola Sepak Jalanan, Pemeriksaan Kesihatan, Sembang Teh Tarik Bersama Bintang, Cabaran VR/PS4, Wilayah Ceria *Got Talent*.

Kerjasama strategik semua rakan dagang yang berkolaborasi dengan Kementerian Wilayah Persekutuan dalam memberikan diskaun terus kepada para pemegang kad ceria adalah sangat bermanfaat kepada rakyat yang seterusnya dapat meringankan kos sara hidup dan perbelanjaan harian mereka. KWP juga berharap agar rakyat sentiasa memberi sokongan penuh kepada program-program kerajaan yang sentiasa memastikan kesejahteraan rakyat diutamakan khususnya di Wilayah Persekutuan.

Disediakan Oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat

Kementerian Wilayah Persekutuan